UJIAN PERCUBAAN UPSR 2014

BAHASA MELAYU - PEMAHAMAN **011**

Julai

50 minit **Lima puluh minit**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **40** *soalan.*
2. *Jawab* **semua** *soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu* **A, B, C** *dan* **D**. *Bagi setiap soalan, pilih* **satu** *jawapan sahaja.* **Hitamkan** *jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian* **hitamkan** *jawapan yang baharu.*

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak.

Lihat sebelah

Soalan 1 hingga Soalan 20
Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai.**

Soalan 1 *berdasarkan gambar di bawah.*



1 Puan Zabedah _____ kuku anaknya yang panjang di ruang tamu.

A mengacip
B mengetis
C mengetip
D mengapit

2 Oleh sebab masa telah _____, guru besar meringkaskan ucapan beliau dalam majlis itu.

A lama
B suntuk
C singkat
D lambat

3 Ketua kampung terpaksa _____ dalam perbalahan yang melibatkan anak buahnya.

A campur gaul
B campur baur
C campur aduk
D campur tangan

4 Nazirah memberi beberapa _____ tebu yang telah dipotong kepada adik- adiknya.

A ruas
B buku
C tongkol
D puntung

5 Azman mengambil buku itu _____ meletakkannya di atas meja.

A sambil
B serta
C lalu
D dan

6 Ayam jantan itu sedang _____ padi yang dijemur di halaman rumah.

A meragut
B menyudu
C mengerit
D memagut

7 Ahli Persatuan Sains menanam pokok-pokok _____ untuk menghiasi taman sains di sekolah.

A renek
B pendek
C kerdil
D kecil

8 Zali terpaku melihat cahaya sekawan _____ yang berterbangan pada waktu malam.

A sibur-sibur
B kunang-kunang
C kupu-kupu
D riang-riang

9 Nana membantu ibunya _____ tepung untuk membuat biskut gajus.

A menapis
B menampi
C mengayak
D menyaring

10 Pak Salim _____ corak bermotifkan bunga pada hulu keris.

A menekat
B menerap
C mengecap
D mengukir

Soalan 11 *berdasarkan gambar di bawah.*

11 Songkok yang dipakai oleh Rizal masih baharu dan _____.

A lurus
B lonjong
C lekuk
D leper

12 Pengunjung pusat beli-belah itu _____ sebaik sahaja mendengar siren kecemasan dibunyikan.

A kelam-kabut
B kacau-bilau
C huru-hara
D haru-biru

13 Kerajaan akan segera _____ jambatan yang rosak akibat banjir baru-baru ini.

A mengubah suai
B menyusun atur
C membaik pulih
D menambah baik

14 Zaleha tidak dibenarkan mengikuti perkhemahan ke hutan lipur itu. _____, dia tetap berusaha untuk mendapatkan keizinan daripada ibunya.

A Padahal
B Selain itu
C Namun begitu
D Di samping itu

15 Para nelayan sibuk _____ jala sebagai persiapan untuk turun ke laut.

A siratan
B tersirat
C bersirat
D menyirat

16 Dahi ayah benjol apabila terhantuk pada _____ pintu.

A jejenang
B lelangit
C kekuda
D kekisi

17 Azimah _____ minat memasak _____ gemar menghasilkan gubahan untuk majlis perkahwinan.

A bukan sahaja ... sedangkan
B bukan sahaja ... malahan juga
C meskipun ... bahkan juga
D sungguhpun ... namun

Soalan 18 *berdasarkan gambar di bawah.*



18 Amin makan se _____ durian yang dibeli oleh ibu.

A biji
B butir
C ketul
D pangsa

19 Pak Atan sedang **menyisik** buluh untuk membuat rangka layang-layang.
Pilih **perkataan seerti** bagi **menyisik**.

A meraut
B merincih
C mengikis
D membelah

20 Lengan baju kurung kakak terpaksa dijahit semula kerana terlalu labuh.
Pilih **perkataan berlawan** bagi labuh.

A ketat
B singkat
C sendat
D sempit

21 *Pilih* **jawapan yang sesuai** *bagi ayat tanya di bawah.*
Bagaimanakah perasaan pasangan suami isteri itu setelah anak mereka ditemui dalam keadaan selamat?

A Pasangan suami isteri itu telah menemui anak mereka dalam keadaan selamat.
B Pasangan suami isteri itu perlu bertanggungjawab atas kejadian tersebut.
C Pasangan suami isteri itu amat bersyukur kepada tuhan dan berterima kasih kepada pihak polis.
D Pasangan suami isteri itu berasa selamat kerana anak mereka sudah ditemui.

22 *Pilih* **ayat tanya** *yang sesuai bagi ayat di bawah.*
Orang ramai meminta agar pembinaan jejantas itu disegerakan kerana bimbang akan keselamatan anak-anak mereka.

A Mengapakah pembinaan jejantas itu perlu disegerakan?
B Bagaimanakah pembinaan jejantas itu perlu disegerakan?
C Siapakah yang berasa bimbang akan keselamatan anak-anak mereka?
D Bilakah orang ramai meminta agar pembinaan jejantas itu disegerakan?

Soalan 23 dan 24
Pilih ayat yang **sama maksud** *dengan ayat yang diberikan.*

23 Kita perlu menghormati orang lain terlebih dahulu, tidak kira tua atau muda sebelum mengharapkan orang lain menghormati kita.

A Orang tua atau muda perlu menghormati kita terlebih dahulu sebelum kita menghormati mereka.
B Orang tua atau muda perlu kita hormati terlebih dahulu sebelum kita minta dihormati.
C Kita perlu dihormati oleh orang lain sebelum kita menghormati mereka.
D Menghormati orang tua perlu dilakukan sebelum orang muda menghormati kita.

24 "Kalian perlu berlatih dengan gigih supaya menang dalam pertandingan itu," pesan Cikgu Akmal kepada pasukan bola sepaknya.

A Cikgu Akmal memberitahu pasukan bola sepaknya supaya menang dalam pertandingan itu.
B Pasukan bola sepak Cikgu Akmal yang berlatih dengan gigih menang dalam pertandingan itu.
C Pasukan bola sepak dan Cikgu Akmal telah menang kerana berlatih dengan gigih.
D Cikgu Akmal telah mengingatkan pasukan bola sepaknya supaya berlatih dengan gigih jika ingin menang dalam pertandingan itu.

Soalan 25 dan 26
Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** *dengan betul.*

25 I Pewangi udara yang diletakkan di dalam kereta itu berbau segar.
II Pokok-pokok bunga di kawasan itu hidup segar lantaran penjagaan yang rapi.
III Kenangan bersama-samanya masih segar dalam ingatan.
IV Suara penyanyi itu masih segar walaupun telah berusia.

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

26 I Lori tangki itu telah membaham sebuah kereta yang diletakkan di tepi jalan.

II Adik membaham nasi goreng yang dibawanya pada waktu rehat kerana terlalu lapar.

III Harimau telah membaham kambing Pak Din yang ditambat di tepi hutan.

IV Zaidi membaham pencuri yang masuk ke dalam rumahnya dengan sebatang tongkat.

A I ,II dan III
B II, III dan IV
C I, II dan IV
D I,III dan IV

Soalan 27 hingga Soalan 29
Pilih ayat yang **betul.**

27 A Sambutan Hari Raya Peringkat Daerah Kubang Pasu akan diadakan di stadium mini.

B Kakak membeli beberapa ulas goreng cempedak di pasar malam.

C Pertandingan bola sepak di antara kelas akan diadakan pada minggu hadapan.

D Songket itu diperbuat dari benang emas yang bermutu tinggi.

28 I Gunung Everest ialah gunung yang paling tinggi sekali di dunia.
II Baju yang dibelinya itu bukan mahal sangat.
III Kedai buku itu amat terkenal di Malaysia.
IV Faizal tidak hadir ke sekolah pada hari ini.

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

29 I Pakaian ini adalah untuk anak-anak yatim.
II Warna kegemaran saya dan ibu ialah biru.
III Tolong jangan ambil barangan yang bukan milik kamu.
IV Jemputlah duduk, acara akan bermula sebentar lagi.

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

Soalan 30

Isi tempat kosong dengan **peribahasa yang sesuai.**

30 "Berhati-hati apabila berkata-kata supaya tidak menyusahkan diri sendiri, bak kata pepatah _____," pesan nenek kepada saya.

A rambut sama hitam, hati lain-lain
B ingat sebelum kena, jimat sebelum habis
C kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan binasa
D banyak udang banyak garam, banyak orang banyak ragamnya

Soalan 31 hingga 35
Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Jata negara kita menunjukkan bintang pecah 14. Bintang ini melambangkan 13 buah negeri yang terkandung dalam Persekutuan Malaysia dan sebuah Wilayah Persekutuan.

Bintang dan anak bulan pula melambangkan agama Islam sebagai agama rasmi Malaysia. Lima bilah keris pula ialah simbol Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, iaitu Johor, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu. Di bahagian sebelah kiri perisai, terdapat pokok pinang yang mewakili Pulau Pinang dan di sebelah kanannya pula ialah pokok Melaka yang melambangkan negeri Melaka. Kedua-dua buah negeri ini dahulunya sebahagian daripada Negeri-negeri Selat.

Empat jalur yang sama besarnya di bahagian tengah mewakili negeri-negeri tertentu. Warna hitam dan putih ialah warna negeri Pahang. Merah dan kuning pula warna negeri Selangor. Hitam, putih dan kuning mewakili warna negeri Perak, sementara warna hitam dan kuning melambangkan warna Negeri Sembilan. Empat buah negeri ini ialah Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Bahagian bawah di sebelah kiri menandakan negeri Sabah, manakala di bahagian bawah di sebelah kanan pula ialah negeri Sarawak yang diwakili oleh burung kenyalang sebagai simbol. Bunga raya yang terdapat di tengah-tengah pula ialah bunga kebangsaan negara kita.

Harimau yang terdapat di kiri dan di kanan ialah simbol Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Simbol tersebut masih digunakan dalam *jata* negara. Cogan kata "Bersekutu Bertambah Mutu" ditulis dengan tulisan rumi di sebelah kiri dan tulisan jawi di sebelah kanan. Warna kuning pada awan-awan pula ialah warna yang melambangkan kedaulatan Raja-raja Melayu.

31 Bintang pecah 14 pada jata negara Malaysia melambangkan

A agama Islam sebagai agama rasmi Malaysia.
B simbol bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu.
C negeri-negeri dalam Wilayah Persekutuan.
D negeri-negeri dan Wilayah Persekutuan.

32 Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu diwakili oleh simbol

A keris.
B perisai.
C bunga raya.
D pokok pinang.

33 Pilih pernyataan yang **tidak benar** tentang petikan.

A Negeri Sarawak diwakili oleh simbol binatang iaitu burung kenyalang
B Simbol pokok pinang dalam jata negara mewakili negeri Pulau Pinang
C Bunga raya pada jata negara melambangkan bunga kebangsaan negara
D Cogan kata jata negara ditulis dengan tulisan rumi di sebelah kanan

34 Perkataan *jata* dalam petikan bermaksud

A lambang
B slogan
C mercu
D panji

35 Antara negeri berikut, yang manakah mewakili Negeri-negeri Selat?

A Selangor dan Melaka
B Pulau Pinang dan Selangor
C Melaka dan Pulau Pinang
D Negeri Sembilan dan Perak

Soalan 36 hingga 40

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Melur tinggal bersama-sama ibunya dalam kemiskinan. Mereka sering kelaparan kerana kekurangan makanan. Hidup mereka ibarat *kais pagi makan pagi, kais petang makan petang*. Namun begitu, Melur seorang anak yang ringan tulang. Dia selalu ke hutan mencari buah-buahan yang boleh dijadikan makanan.

Pada suatu hari, ketika melewati sebatang sungai Melur terdengar suara orang meminta tolong. Melur segera menyelamatkan seorang perempuan tua yang hampir lemas. Perempuan tua itu mengucapkan terima kasih. Namun, dia hairan apabila melihat kesedihan terpancar pada wajah Melur. Melur menceritakan hal keperitan hidupnya kepada perempuan tua itu.

Sebenarnya, perempuan tua itu ialah nenek kebayan yang baik hati. Dia menghadiahi Melur sebuah periuk ajaib sebagai tanda terima kasih. "Dengan memiliki periuk ini, kamu tak akan lapar. Kamu hanya perlu sebut 'masak, periuk, masak', maka periuk itu akan memasakkan bubur. Apabila periuk telah dipenuhi bubur, sebutlah 'berhenti masak, periuk, berhenti' dan periuk itu akan berhenti memasak bubur," kata perempuan tua itu.

Melur mengucapkan terima kasih lalu pulang ke rumahnya. Dia menceritakan hal yang berlaku kepada ibunya tetapi ibunya tidak mempercayai cerita tersebut. Setelah Melur menyebut "masak, periuk, masak" ibunya amat terkejut apabila melihat bubur memenuhi periuk itu.

Pada suatu hari, ketika Melur tiada di rumah ibunya telah menggunakan periuk ajaib itu tetapi dia terlupa akan perkataan hikmat yang perlu disebut untuk menghentikan periuk itu daripada memasak. Akibatnya, bubur melimpah ke seluruh kampung.

Dalam perjalanan pulang ke rumah, Melur sangat terkejut melihat bubur nasi melimpahi kampungnya. Dia segera berlari pulang. Melur terus menggunakan perkataan hikmat untuk menghentikan periuk itu daripada memasak. Penduduk kampung sangat gembira kerana dapat berkongsi bubur itu. Sejak hari itu, penduduk kampung tidak kelaparan lagi.

36 Melur berjumpa dengan nenek kebayan ketika

A mencari buah-buahan.
B menerima periuk ajaib.
C memasak bubur di rumah.
D menyusuri sebatang sungai.

37 Mengapakah nenek kebayan itu menghadiahkan periuk ajaib kepada Melur?

A Untuk memasak bubur.
B Sebagai tanda penghargaan.
C Sebagai hadiah kepada ibunya.
D Untuk membantu orang kampung.

38 Bubur yang dimasak oleh ibu Melur melimpah ke seluruh kampung kerana

A ibunya terlupa perkataan hikmat menghentikan periuk itu memasak.
B bubur itu dimasak terlalu lama oleh ibunya.
C ketiadaan Melur di rumah semasa kejadian itu.
D bubur itu dimasak oleh ibunya untuk orang kampung.

39 Pilih penyataan yang **benar** tentang petikan.

A Periuk ajaib itu diberikan untuk orang kampung memasak bubur.
B Dengan memiliki periuk ajaib penduduk kampung tidak kelaparan lagi.
C Seluruh kampung menikmati bubur yang dimasak oleh Melur.
D Periuk ajaib itu hanya memasak apabila diseru oleh nenek kebayan.

40 Rangkai kata "*kais pagi makan pagi, kais petang makan petang*" dalam petikan bermaksud

A kelaparan kerana kekurangan makanan.
B makan hanya pada waktu pagi dan petang sahaja.
C pendapatan yang cukup untuk hidup sahaja.
D kehidupan yang sungguh menyedihkan.

KERTAS SOALAN TAMAT